

Naib Canselor Menyeru Masyarakat Tingkatkan Tahap Pendidikan
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 09 Julai 2011 18:49

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

9 JULAI 2011/7 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

NAIB CANSELOR MENYERU MASYARAKAT TINGKATKAN TAHAP PENDIDIKAN

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Dato' Dr Mohamed Mustafa Ishak menyeru agar masyarakat meningkatkan tahap pendidikan supaya Malaysia mampu ke hadapan, setanding dengan negara-negara maju.

Jelas beliau, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk menghasilkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama untuk mencapai kemajuan negara dan sekaligus meningkatkan daya saing.

"Untuk melonjakkan negara ke arah negara yang berpendapatan tinggi, keupayaan pendidikan juga perlu ditingkatkan," katanya.

"Saya menyeru graduan untuk menggalakkan rakan-rakan lain agar terus belajar termasuklah para graduan sendiri untuk menyambung pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi,".

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Penganugerahan Diploma Eksekutif Kali Ke-7 di UUM, hari ini.

Tambah beliau, pendidikan tidak formal mempunyai potensi yang boleh dikembangkan untuk membuka peluang pendidikan seluas-luasnya dengan kekesanan kos.

Bahkan di negara-negara maju pendidikan tidak formal, pendidikan berterusan dan universiti terbuka amat popular.

"Masyarakat maju telah menerima konsep pendidikan sepanjang hayat untuk semua sebagai norma kehidupan. Konsep seperti rakan pendidikan dan rangkaian kolej komuniti harus diberikan perhatian supaya beransur-ansur dapat diterima sebagai sebahagian dari budaya kehidupan masyarakat abad ini," katanya.

Beliau menjelaskan, selaras dengan tanggungjawab universiti kepada masyarakat dan juga dalam menyahut seruan Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia untuk membawa pendidikan kepada masyarakat, maka Pusat Pembangunan Eksekutif (PPE) UUM melalui kerjasama strategik dengan industri juga telah membuka pusat-pusat pembelajaran di seluruh negara.

Tindakan ini telah membolehkan golongan yang telah bekerja mengikuti kelas-kelas dan mod pengajian secara fleksibel tanpa perlu meninggalkan kerja dan tugas masing-masing.